



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA (I) S.179/ 17/ 2-7 Klt. 5 (6)
Tarikh : 30 September 2019/ 1 Safar 1441H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA SESI 2019/2020 UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL YANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN Ph.D SECARA SEPARUH MASA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk memohon penajaan di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) Sesi 2019/2020. Pelawaan ini adalah kepada pegawai-pegawai yang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Ph.D secara separuh masa. Syarat-syarat dan tatacara permohonan/pencalonan adalah seperti di **Lampiran 1**.



3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, penajaan ini tidak meliputi pegawai-pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader) dan Agensi/ Badan Berkanun yang telah diswastakan/ dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya.

4. Maklumat berhubung permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti berikut:

- 4.1 Tarikh permohonan atas talian dibuka bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **30 September 2019 (Isnin)** dan tarikh tutup permohonan atas talian adalah pada **25 Oktober 2019 (Jumaat)**.
- 4.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada **1 November 2019 (Jumaat)**. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**

- 4.3 Keputusan pencalonan yang berjaya dijangka akan diumumkan di portal JPA iaitu <http://esilav2.jpa.gov.my> pada **Disember 2019**.
5. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi **Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian 03-8885 3569/3573 atau emel penawaranldp@jpa.gov.my** sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini.
6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZURA BINTI AZIZ)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

SYARAT-SYARAT PENAWARAN HLPSB SESI 2019/ 2020

1. Syarat-Syarat Kelayakan

Pegawai yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 
- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
 - (ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
 - (iii) Pegawai berumur tidak lebih daripada **50 tahun** bagi peringkat **Sarjana** serta **46 tahun** bagi peringkat **Kedoktoran (Ph.D)** pada 1 Januari 2019;
 - (iv) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas** bagi tempoh genap **3 tahun** **skim perkhidmatan terkini** berturut-turut (2016, 2017 & 2018). Penilaian setahun LNPT genap **12 bulan**;
 - (v) Telah menerima tawaran dan baharu memulakan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D pada tahun 2019 secara separuh masa di **universiti-universiti seperti di Lampiran A1**;

atau

Sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D pada tahun 2019 secara separuh masa di **universiti-universiti seperti di Lampiran A1** dengan syarat masih mempunyai **sekurang-kurangnya baki tiga (3) semester** pada tarikh tutup permohonan;

- (vi) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;
- (vii) Telah mendapat kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan;
- (viii) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan bidang yang ditawarkan seperti di **Lampiran A2**;
- (ix) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;

- (x) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (xi) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
- (xii) Telah mengisytiharkan harta.

2. Kemudahan

- 2.1 Pegawai yang terpilih untuk menerima HLPSB akan diberi kemudahan penajaan yang merangkumi pembayaran **Yuran Pengajian, Elaun Buku** dan **Elaun Tesis** di sepanjang tempoh pengajian berdasarkan kaedah berikut:

PERINGKAT	ELAUN	TEMPOH
SARJANA	<ul style="list-style-type: none"> i. Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti. ii. Elaun Buku - 2 kali sahaja sepanjang pengajian. iii. Elaun Tesis - Dibayar di akhir pengajian. 	3 tahun
Ph.D	<ul style="list-style-type: none"> i. Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti. ii. Elaun Buku - 4 kali sahaja sepanjang pengajian. iii. Elaun Tesis - Dibayar di akhir pengajian. 	5 tahun


- 2.2 Selain daripada Yuran Pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis, pegawai juga layak untuk mendapatkan kemudahan Cuti Kursus Sambilan tidak melebihi 30 hari dalam setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009 (Kemudahan Cuti Kursus Sambilan (CKS) Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Negara).


3. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai-pegawai yang ditawarkan HLPSB dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan.

4. Tatacara Permohonan / Pencalonan

4.1 Tanggungjawab Pegawai

- 
- 4.1.1** Pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan HLPSB secara dalam talian di portal eSila JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **30 September 2019 sehingga 25 Oktober 2019**.
 - 4.1.2** Borang permohonan HLPSB yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
 - (i) Salinan Kad Pengenalan;
 - (ii) Salinan Surat Tawaran kemasukan ke institusi secara **separuh masa/ pengajian jarak jauh/ kursus luar kampus**;
 - (iii) Salinan slip pendaftaran/Surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi;
 - (iv) Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip);
 - (v) Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip, sekiranya ada);
 - (vi) Salinan Senarai Tugas;
 - (vii) Salinan kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan; dan
 - (viii) Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapkan oleh pihak institusi pengajian seperti di **LAMPIRAN D**);
 - 4.1.3** Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.



4.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

- 4.2.1 Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan untuk memperakarkan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.
- 4.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini **selewat-lewatnya pada 1 November 2019**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
- (i) Mengisi Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**) dan Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L)LDP1A/96 (**LAMPIRAN B**); dan
 - (ii) Mengemukakan kepada Jabatan ini pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama:-
 - (a) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 4.1.2; dan
 - (b) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 4.2.2 (i).

5. Keputusan Pencalonan

- 5.1 Keputusan pencalonan yang berjaya akan diumumkan di portal JPA iaitu <http://esilav2.jpa.gov.my> pada **Disember 2019**.
- 5.2 Segala keputusan permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

SENARAI UNIVERSITI TEMPATAN HLPSB SESI 2019/2020**BAGI PENGAJIAN PERINGKAT Ph.D DAN SARJANA**

BIL. UNIVERSITI AWAM (UA)	
A. UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU)	
1	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2	Universiti Malaya (UM)
3	Universiti Putra Malaysia (UPM)
4	Universiti Sains Malaysia (USM)
5	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
B. UNIVERSITI KOMPREHENSIF	
1	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
3	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
4	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
5	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
6	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
7	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
8	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
9	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
10	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
11	Universiti Utara Malaysia (UUM)
C. UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (MTUN)	
1	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
2	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
3	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
4	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
BIL. UNIVERSITI BERKAITAN KERAJAAN (GOVERNMENT LINK UNIVERSITY)	
1	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
2	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
3	Universiti Kuala Lumpur (UNiKL)
18	Universiti Multimedia Malaysia (MMU)

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
General Programmes	1. Basic/ Broad General Programmes	(i) Basic Programmes	✓	✓
		(ii) Broad, General Programmes	✓	✓
	2. Literacy and Numeracy	(i) Functional literacy	✓	✓
		(i) Communication skills	✓	✓
	3. Personal Skills	(ii) Enhancing personal skills	✓	
Art and Humanities	4. Arts	(i) Design	✓	✓
		(i) Humanities	✓	✓
	5. Humanities	(ii) Interpretation (Other Languages)	✓	✓
		(iii) Religion	✓	✓
		(iv) Religious Studies	✓	✓
		(v) Study of Different Religions	✓	✓
		(vi) Translation (Malays Languages)	✓	✓
Social Sciences, Business & Law	6. Business and Administration	(i) Accounting	✓	✓
		(ii) Auditing	✓	
		(iii) Banking and Finance	✓	✓
		(iv) Business and Administration	✓	✓
		(v) Consumer Services	✓	✓
		(vi) Human Resources Management	✓	✓
		(vii) Information Processing/ Data Entry	✓	✓
		(viii) Investment Analysis	✓	✓
		(ix) Logistic Management	✓	✓
		(x) Market Research	✓	✓
		(xi) Marketing	✓	
		(xii) Personnel Management	✓	
		(xiii) Quality Management	✓	✓
		(xiv) Real-estate Business	✓	✓
		(xv) Training Management	✓	✓
		(xvi) Management and Administration	✓	✓
	7. Journalism and Information	(i) Archival Sciences	✓	✓
		(ii) Communication	✓	✓
	8. Law	(i) Commercial Law	✓	✓
		(ii) Law	✓	✓
		(iii) Syariah Law	✓	✓
	9. Social and Behavioural Science	(i) Demography/ Population Studies	✓	✓
		(ii) Economics	✓	✓
		(iii) Ethnology	✓	✓
		(iv) Human Rights	✓	✓
		(v) International Relations	✓	
		(vi) Library Programmes	✓	✓
		(vii) Political Science	✓	✓
		(viii) Psychology	✓	✓
		(ix) Regional Cultures	✓	
		(x) Social Anthropology	✓	
		(xi) Social Conflict Theory	✓	✓
		(xii) Social Sciences	✓	✓
		(xiii) Sociology	✓	✓

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Science, Mathematics & Computing	10. Computing	(i) Computer Science	✓	✓
		(i) Biochemistry	✓	✓
	11. Life Science	(ii) Entomology	✓	
		(iii) Environmental Science	✓	
		(iv) Toxicology	✓	
		(i) Data Analysis (Mathematics)	✓	✓
		(ii) Statistics, Applied	✓	✓
	12. Mathematics and Statistics	(i) Earth Science	✓	✓
		(ii) Geodesy	✓	✓
		(iii) Geography (Physical)	✓	
		(iv) Geoscience	✓	✓
		(v) Marine Science	✓	✓
		(vi) Oceanography	✓	✓
Engineering, Manufacturing & Construction	13. Physical Science	(i) Architectural Urban Design and Planning	✓	✓
		(ii) Architecture	✓	✓
		(iii) Cartography/ Land Surveying	✓	✓
		(iv) Community Planning	✓	
		(v) Landscape Architecture	✓	✓
		(vi) Surveying	✓	✓
		(vii) Topography	✓	✓
		(viii) Urban Planning	✓	
		(ix) Urban Studies		✓
	14. Architecture and Building	(i) Civil Engineering	✓	✓
		(ii) Constructional Engineering	✓	
		(iii) Electrical Engineering	✓	✓
		(iv) Engineering	✓	✓
		(v) Irrigation and Drainage (Construction)	✓	✓
		(vi) Maintenance Engineering	✓	✓
		(vii) Maritime Engineering	✓	✓
		(viii) Mechanical Engineering	✓	✓
		(ix) Metallurgical Engineering	✓	
		(x) Network Technology	✓	✓
		(xi) Oil/ Gas/ Petrochemicals Processing	✓	
		(xii) Quantity Surveying	✓	✓
	15. Engineering and Engineering Trade	(xiii) Structural Engineering	✓	✓
		(xiv) Water Technology and Engineering	✓	✓
		(i) Chemistry (Forensic Analysis)	✓	✓
		(ii) Environmental Technology	✓	✓
	16. Manufacturing and Processing	(iii) Food Science and Technology	✓	✓

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Agriculture & Veterinary	17. Agriculture, Forestry and Fishery	(i) Agriculture, Forestry and Fishery (Broad Programmes)	✓	
		(ii) Agricultural Business/ Agribusiness Operations	✓	✓
		(iii) Agricultural Economics	✓	✓
		(iv) Agronomy and Crop Science	✓	✓
		(v) Forestry	✓	✓
		(vi) Horticulture	✓	✓
		(vii) Soil Fertility	✓	✓
	18. Veterinary	(i) Veterinary Science	✓	✓
Health & Welfare	19. Health	(i) Pathology	✓	
		(ii) Physiology	✓	✓
Services	20. Environmental Protection	(i) Conservation and Land Management	✓	
		(ii) Environmental Conservation	✓	✓
		(iii) Environmental Control	✓	✓
		(iv) Environmental Protection		✓
		(v) Environmental Protection Technology	✓	✓
		(vi) Natural Resources Conservation	✓	
		(vii) Soil and Water Conservation	✓	✓
	21. Personal Services	(i) Travel and Tourism	✓	
Services	22. Security Services	(i) Ergonomics (Occupational Health and Safety)	✓	✓
		(ii) Law Enforcement	✓	✓
		(iii) Occupational Health and Industrial Hygiene	✓	✓
		(iv) Occupational Health and Safety	✓	✓
		(v) Security Services	✓	✓
	23. Transport Services	(i) Transport Programmes	✓	✓

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\checkmark)	
			Ph.D	SARJANA
Social Sciences, Business & Law	1. Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Strategik	(i) Kesejahteraan Pekerja (Wellbeing)	\checkmark	\checkmark
		(ii) Pengurusan Bakat dan Organisasi	\checkmark	\checkmark
		(iii) Pengurusan Strategik dan Komunikasi	\checkmark	\checkmark
		(iv) Pengurusan Kualiti dan Inovasi	\checkmark	\checkmark
		(v) Tadbir Urus dan Integriti		\checkmark
Social Sciences, Business & Law	2. Pentadbiran Tanah, Strata dan Kerajaan Tempatan	(i) Pentadbiran dan Pengurusan Tanah	\checkmark	\checkmark
		(ii) Strata	\checkmark	\checkmark
		(iii) Pendaftaran	\checkmark	\checkmark
		(iv) Hasil Bumi	\checkmark	\checkmark
Social Sciences, Business & Law	3. Pengurusan Projek, Aset dan Fasiliti	(i) Pengurusan Projek, Pengurusan Aset dan Fasiliti		\checkmark
		(i) Ekonomi Sektoral	\checkmark	\checkmark
		(ii) Makroekonomi (Analisa, Penyelidikan dan Model)	\checkmark	\checkmark
		(iii) Pengurusan Komoditi	\checkmark	\checkmark
		(iv) Mikroekonomi	\checkmark	\checkmark
		(i) Kerjasama Ekonomi Antarabangsa	\checkmark	\checkmark
Social Sciences, Business & Law	5. Perdagangan dan Perindustrian	(ii) Perdagangan dan Perniagaan Antarabangsa	\checkmark	\checkmark
		(iii) Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan	\checkmark	\checkmark
		(i) Pengurusan Kewangan		\checkmark
Social Sciences, Business & Law	6. Pengurusan Kewangan Awam	(ii) Pengurusan Cukai (Fiskal)	\checkmark	\checkmark
		(iii) Kewangan Monetari / Pelaburan Kerajaan	\checkmark	\checkmark
		(iv) Pengurusan Perolehan Kerajaan	\checkmark	\checkmark
		(v) Pengurusan Kewangan Islam	\checkmark	\checkmark
		(vi) Perakaunan Forensik		\checkmark
		(i) Diplomasi Politik		\checkmark
Social Sciences, Business & Law	7. Sosio-Politik Antarabangsa & Hal Ehwal Luar Negeri	(ii) Hubungan Antarabangsa		\checkmark
		(iii) Pengurusan Pengangkutan Darat, Udara dan Maritim Antarabangsa		\checkmark
		(iv) Rundingan Strategik	\checkmark	\checkmark

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK


KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (✓)	
			Ph.D	SARJANA
Services (Security)	8. Pengurusan Sains dan Pembangunan Teknologi	(i) Pengurusan Bioteknologi dan Alam Sekitar	✓	✓
		(ii) Pengurusan Harta Intelek	✓	✓
		(iii) Pengurusan Perkhidmatan Sains dan Teknologi		✓
		(iv) Pengurusan Teknologi Baharu (Managing Emerging Technologies) (IR4.0)		✓
	9. Pembangunan Manusia dan Kesejahteraan Komuniti	(i) Pembangunan Kesejahteraan Komuniti		✓
		(ii) Pengurusan Gender		✓
		(iii) Pengurusan Gerontologi	✓	✓
	10. Keselamatan Negara	(i) Hubungan Strategik, Perpaduan dan Keharmonian Negara		✓
		(ii) Keselamatan dan Kedaulatan Negara		✓
		(iii) Hal Ehwal Imigresen dan Anti Pemerdagangan Manusia	✓	✓
		(iv) Keselamatan dan Diplomasi Pertahanan	✓	✓
		(v) Persempadanan Darat, Ruang Udara dan Maritim	✓	✓

JPA

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI PSIKOLOGI (PPsi)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKUSUSAN	PERINGKAT PENGAJIAN (↓)	
			Ph.D	SARJANA
Social Sciences, Business & Law	1. Organisasi	(i) Tingkah Laku Organisasi	✓	
		(ii) Pembangunan Organisasi	✓	
		(iii) Positif Psikologi		✓
	2. Perkembangan	(i) Kanak-Kanak	✓	
		(ii) Remaja		✓
		(iii) Dewasa		✓
		(iv) Gerontologi		✓
	3. Sosial	(i) Komuniti	✓	✓
		(ii) Silang Budaya	✓	✓
		(iii) Sukan	✓	✓
		(iv) Media dan Teknologi		✓
		(v) Politik	✓	
		(vi) Kesihatan		✓
		(vii) Kepenggunaan		✓
	4. Tingkah Laku	(i) Ketakupayaan (Disabilities)	✓	✓
		(ii) Analisis Tingkah Laku	✓	✓
		(iii) Modifikasi Tingkah Laku	✓	✓
		(iv) Terapi Kognitif Tingkah Laku	✓	✓
	5. Kuantitatif dan Pengukuran	(i) Penyelidikan Gunaan		✓
		(ii) Psikometrik		✓
	6. Kaunseling	(i) Koreksional	✓	✓
		(ii) Rehabilitasi	✓	✓
		(iii) Kerjaya		✓
		(iv) Kewangan		✓
		(v) Krisis/Trauma	✓	✓
		(vi) Penyalahgunaan Dadah	✓	
	7. Klinikal	(i) Klinikal	✓	✓
		(ii) Kriminalologi	✓	
		(iii) Forensik	✓	✓
	8. Kognitif	(i) Artificial Intelligence	✓	✓
		(ii) Thinking & Problem Solving		✓
		(iii) Memory & Perception		✓

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	 1. Mechanical Engineering	(i) Metal Fabrication	✓	✓
		(ii) Welding	✓	✓
		(iii) Materials	✓	✓
		(iv) Automotive	✓	✓
		(v) Industrial Product Design	✓	✓
		(vi) Mechanical Automation	✓	✓
		(vii) Refrigeration and Air-conditioning	✓	✓
		(viii) Aviation	✓	✓
		(ix) Petroleum	✓	✓
		(x) Maintenance	✓	✓
		(xi) Innovation and Engineering Design	✓	✓
		(xii) Biochemical-Biotechnology	✓	✓
	2. Electrical, Electronics And Telecommunication Engineering	(i) Mechatronics	✓	✓
		(ii) Automation	✓	✓
		(iii) Telecommunication	✓	✓
		(iv) Biomedical engineering	✓	✓
		(v) Microelectronic	✓	✓
		(vi) Industrial Electronics	✓	✓
	3. General (Engineering)	(i) Quality Assurance Engineering	✓	✓
		(ii) Safety, Health and Environment	✓	✓
		(iii) Green Technology	✓	✓
	4. Computer Engineering	(i) Multimedia Animation	✓	✓
		(ii) Networking	✓	✓
		(iii) Computer system	✓	✓
		(iv) Software development	✓	✓
		(v) Hardware development	✓	✓

SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLPSB SESI 2019/2020
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (\)	
			Ph.D	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	5. Management (Engineering)	(i) Occupational Safety and Health	✓	✓
		(ii) Project Management	✓	✓
		(iii) Science Management	✓	✓
	6. Civil Engineering	(i) Structural	✓	✓
		(ii) Geotechnical	✓	✓
		(iii) Perkhidmatan Bangunan	✓	✓
	7. Emerging Technologies	(i) Robotic	✓	✓
		(ii) Artificial Intelligence	✓	✓



JPA

LAMPIRAN D

MAKLUMAT RINGKAS PENGAJIAN

Nama :
No. Kad Pengenalan :
No. Matrik/ Kad Pelajar :
Nama Institusi :
Program :

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar berikut ialah pelajar berdaftar di institusi ini.
Maklumat pelajar ialah seperti berikut :

- a) Tarikh Mendaftar Diri :
 - b) Semester Pengajian Sekarang :
 - c) Mod Pengajian (Separuh Masa/ PJJ/ KLK) :
 - d) Kursus:
 - e) Tempoh Pengajian :
 - f) Jangkaan Tamat :
 - g) Baki Semester :
 - h) Tajaan Lain :
 - i) Perlanjutan/Penangguhan : Ada / Tiada (Sekiranya ada nyatakan **sebab dan tempoh**)
-
-
-
-

- j) Anggaran yuran pelajar bagi sepanjang pengajian : (**Sila buat Lampiran**)
- k) Anggaran baki yuran pengajian pelajar : (**Sila buat Lampiran**)

Saya mengesahkan bahawa kenyataan berkenaan maklumat pengajian adalah benar.

(Tandatangan Pihak Institusi)

Nama :
Jawatan :
Cop Rasmi :
Tarikh :